

Pilih kata adjektif yang paling sesuai untuk melengkapi ayat-ayat berikut.

- 1 (a) Baju yang baru dibelinya menjadi _____ selepas dibasuh.
(b) Wayar telefon itu kelihatan _____ pada waktu panas.
- 2 (a) Biskut mudah menjadi _____ jika tidak disimpan dengan baik.
(b) Ubi yang direbus oleh emak sangat _____.
- 3 (a) Pak Din sanggup bekerja _____ untuk menyara hidup keluarganya.
(b) Yen Ling risau akan ibunya yang sedang sakit _____ di kampung.
- 4 (a) Nasi yang ditanak oleh kakak terlalu _____ kerana terlebih air.
(b) Ibu membeli kain sutera yang _____ untuk dijadikan baju kurung.
- 5 (a) Minyak masak yang disimpan lama itu sudah berbau _____.
(b) Kasut adik berbau _____ kerana sudah lama tidak dicuci.

kendur

kecut

empuk

lemau

keras

kuat

lembik

lembut

tengik

hapak

Isi tempat kosong dengan menggunakan kata adjektif yang paling sesuai.

- 1 Mak Cik Anis menghiris daging bakar yang _____ itu nipis-nipis sebelum dihidangkan kepada tetamu. (kenyal, kental)
- 2 Aiman berjalan dengan pantas apabila hujan mulai _____. (lebat, kuat)
- 3 Cikgu Zaleha amat _____ akan kebolehan Murni untuk mendeklamasikan sajak sempena sambutan Hari Guru peringkat sekolah pada bulan depan. (waswas, yakin)
- 4 Nasi yang _____ itu telah dibuang oleh emak ke dalam tong sampah. (basi, busuk)
- 5 Saiful seronok berenang di sungai itu kerana airnya sangat sejuk dan _____. (putih, jernih)
- 6 Keadaan datuk yang semakin _____ tidak mengizinkannya turun ke laut untuk menangkap ikan lagi. (sihat, uzur)
- 7 Ibu berasa _____ kerana ayah belum pulang ke rumah walaupun hari telah lewat. (bimbang, takut)
- 8 Suara Lina yang _____ itu membolehkannya mendapat tempat pertama dalam pertandingan nyanyian yang disertainya. (merdu, serak)